

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31/8/2017



Pentadbiran Najib dahulukan kepentingan rakyat isi kemerdekaan

Janji diutamakan

UM - 31/8/2017 pg. 3

■ **KUALA LUMPUR 30 OGOS**

TIADA hadiah yang lebih istimewa kepada rakyat, sebagai pengisian sebenar sebuah kemerdekaan, melainkan menjadi kerajaan yang mampu menyampaikan serta melaksana janji-janji yang dibuat untuk kepentingan rakyat dari semasa ke semasa, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, pentadbirannya tidak mahu membuang masa untuk terjebak dan melayan tohmahan, sebaliknya komited dan bertekad menumpu sepenuhnya kudrat dan usaha merencana agenda kepesatan ekonomi demi masalah rakyat terbanyak.

“Kisah kemerdekaan Malay-

Malaysia kini dirujuk ramai sebagai negara yang sedang maju membangun, berteraskan pendirian yang amat jelas dalam hal-hal seperti menolak ideologi dan fahaman melampau.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

sia terus diisi dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian yang disegani oleh kawan dan lawan,” katanya dalam Perutusan Hari Kebangsaan 2017.

Malaysia, katanya, kini dirujuk ramai sebagai negara yang sedang maju membangun, berteraskan pendirian yang amat jelas dalam hal-hal seperti menolak ideologi dan fahaman melampau, khususnya dalam membanteras ancaman Daesh.

“(Raja Arab Saudi) Raja Salman Abdulaziz Al-Saud telah berkenan untuk memilih Malaysia sebagai Pusat Keamanan Antarabangsa,” kata Najib.

**TEKS PERUTUSAN PENUH
DI MUKA 14**